

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)36

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

36. Berapa tahunkah Rumah Rehat Bukit Mertajam telah terbengkalai?
- (a) Nyatakan keluasan Rumah Rehat ini termasuk gelanggang tenis yang berada di sebelah.
 - (b) Apakah pelan Kerajaan Negeri di atas tanah lapang ini dan jangkaan masa siap?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

36. Rumah Rehat Bukit Mertajam telah terbengkalai selama 20 - 25 tahun.
- (a) Rumah Rehat Bukit Mertajam mempunyai keluasan 13,221.90 meter persegi (3.2672 ekar); menempatkan bangunan rumah rehat, dewan, gelanggang tenis dan kuarters asal.

- (b) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah akan menghantar permohonan untuk mendapatkan kelulusan untuk syor roboh kerana Rumah Rehat Bukit Mertajam telah rosak teruk dan usang.